



**KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG  
PEJABAT DAERAH DAN TANAH  
DAERAH TIMUR LAUT**

**DOKUMEN SEBUT HARGA**

**UNTUK**

**PERKHIDMATAN PENYEWAAN MESIN FOTOSTAT  
BAGI PEJABAT DAERAH DAN TANAH  
DAERAH TIMUR LAUT**

**NO. SEBUTHARGA: PDTL/BPD/BEK/2020/4**

**TARIKH TUTUP: 22 OKTOBER 2020**

**NAMA PENYEBUTHARGA: .....**

## **BAHAGIAN I : KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA**

**PDTL/BPD/BEK/2020/4**

### **PEJABAT DAERAH DAN TANAH DAERAH TIMUR LAUT**

- Tajuk : Perkhidmatan Penyewaan Mesin Fotostat Bagi Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut
- Tempoh Kontrak : 24 Bulan (1 November 2020 – 31 Oktober 2022)
- Nombor Sebutharga : PDTL/BPD/BEK/2020/4
- Tarikh Iklan : 19 Oktober 2020 (Isnin)
- Tarikh Tutup : 22 Oktober 2020 (Khamis), Jam 12.00 Tengah Hari
- Status & Kod Bidang : Syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah Kod Bidang 221502 (Mesin dan Peralatan Pejabat).
- Jumlah Mesin Fotostat yang diperlukan : Jenis 1 (Cetakan Berwarna) – 3 unit  
Jenis 2 (Cetakan Hitam Putih Sahaja) – 2 unit
- Tempoh Sah Laku Sebutharga : 90 hari

**LAMPIRAN Q  
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)**

No. Sebut Harga <b>PDTL/BPD/BEK/2020/4</b>
---

(Kew.284-Pin. 5/94)

**KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**

**SEBUT HARGA UNTUK BEKALAN / PERKHIDMATAN**

**TAJUK: PERKHIDMATAN PENYEWAAN MESIN FOTOSTAT BAGI PEJABAT DAERAH DAN TANAH DAERAH TIMUR LAUT SELAMA DUA PULUH EMPAT (24) BULAN**

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.

Kepada (Nama Syarikat)

.....

.....

No. Telefon : .....

No. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan:

.....

Kod bidang pendaftaran yang relevan dengan pembelian ini : .....

Pelawaan sebut harga dikeluarkan oleh:

PEJABAT DAERAH DAN TANAH

DAERAH TIMUR LAUT

TINGKAT 50 DAN 51, KOMTAR

10000 PULAU PINANG

No. Telefon: 04-6505525/04-6505526

Tarikh: 22 Oktober 2020

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan / perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan

1.1 Syarat penyerahan/penyempurna:

- i) Sebut harga adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di **bawah Kod Bidang 221502 (Mesin dan Peralatan Pejabat)**.
- ii) Dokumen sebut harga boleh diperolehi daripada Sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang di portal ep.penang.gov.my dengan bayaran **RM10.00 (Ringgit Malaysia: Sepuluh Ringgit sahaja)**. Dokumen sebut harga hanya boleh dimuat turun oleh syarikat yang telah berdaftar dengan Sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

1.2 Tarikh akhir serahan / penyempurnaan dikehendaki: **Sebelum jam 12.00 tengah hari, 22 Oktober 2020 (Khamis)**.

1.3 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul berlakri dan bertanda nombor sebut harga **PDTL/BPD/BEK/2020/4**

1.4 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebutharga di Pejabat Daerah Dan Tanah Daerah Timur Laut, tidak lewat pada jam 12.00 tengah hari, 22 Oktober 2020 (Khamis)**.

1.5 Tempoh sah laku sebut harga hendaklah **90 hari** selepas tarikh tutup.

Tarikh : 19 Oktober 2019

Tandatangan : .....t.t.....

Nama Pegawai:

Jawatan:

Bil.	Perihal bekalan/perkhidmatan dan syarat-syarat khas	Unit	Kuantiti	Kadar Sebulan (RM)	Jumlah Harga (RM)
1.	Perkhidmatan Penyewaan Mesin Fotostat Bagi Pejabat Daerah Dan Tanah Daerah Timur Laut Selama Dua Puluh Empat (24) Bulan				Rujuk Jadual Harga di <b>LAMPIRAN C.</b>

- (i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih;
- (ii) Butir lanjut – Sila rujuk Skop dan Spesifikasi Perkhidmatan, Syarat-syarat Am dan Syarat-syarat Tambahan;
- (iii) Tarikh penyerahan / penyempurnaan ialah pada ..... (untuk diisi oleh penyebutharga).

Saya/Kami dengan ini menawarkan untuk membekalkan bekalan/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan  
 Penyebutharga : .....  
 Nama : .....  
 No. K/P : .....  
 Alamat : .....  
 Syarikat : .....  
 .....  
 .....  
 Cop Syarikat :

Tarikh: .....

**Mustahak** – Lihat Syarat-Syarat Am dan Syarat-Syarat Tambahan Di Belakang

## BAHAGIAN II: ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA

1. Pejabat Daerah Dan Tanah Daerah Timur Laut mempelawa sebut harga daripada syarikat-syarikat bagi Perkhidmatan Penyewaan Mesin Fotostat Bagi Pejabat Daerah Dan Tanah Daerah Timur Laut Selama Dua Puluh Empat (24) Bulan.
2. Tawaran sebut harga terbuka kepada syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang **221502 (Mesin dan Peralatan Pejabat)** dan berdaftar dengan Sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Dokumen sebut harga boleh didapati melalui Sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang di portal ep.penang.gov.my.
3. Penyebutharga dikehendaki membaca dengan teliti keterangan Jadual Spesifikasi seperti di **Lampiran A** dan melengkapkan Jadual Spesifikasi Teknikal Mesin Fotostat di **Lampiran A1 & A2**. Penyebutharga juga dikehendaki membaca dengan teliti keterangan yang telah ditetapkan dalam Jadual Pembekalan dan Tempoh Perkhidmatan di **Lampiran B**.
4. Penyebutharga **wajib membekalkan Mesin Fotostat baharu yang masih belum digunakan dan model terkini dalam pasaran.**
5. Kuantiti, jenis dan penempatan mesin fotostat adalah seperti di bawah:

Bil.	Spesifikasi	Kuantiti	Penempatan
1.	Jenis 1 (Cetakan Berwarna)	3	Pejabat Daerah Dan Tanah Daerah Timur Laut
2.	Jenis 2 (Cetakan Hitam Putih Sahaja)	2	Tingkat 50 Dan 51, KOMTAR 10000 Pulau Pinang

6. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran. Kerajaan tidak menjamin dalam apa-apa cara sekali pun bahawa kuantiti yang disebutkan dalam sebut harga ini akan dipesan kesemuanya. Walau bagaimanapun, penyebutharga yang berjaya mestilah bersedia untuk membekalkan semua pesanan sekiranya ianya melebihi kuantiti yang diperlukan dengan harga dan spesifikasi yang sama.
7. Harga
  - 7.1 Penyebutharga hendaklah mengisi butir-butir harga yang ditawarkan seperti dalam Jadual Harga di **Lampiran C**.
  - 7.2 Harga bersih bagi tiap-tiap item yang ditawarkan hendaklah dalam matawang Ringgit Malaysia (RM) sahaja dan hendaklah termasuk semua kos penghantaran dan pemasangan. Harga yang ditawarkan hendaklah tidak melebihi dua angka perpuluhan. Sebagai contoh: RM0.12.

- 7.3 Semua tawaran harga oleh penyebutharga hendaklah dikemukakan.
  - 7.4 Harga tawaran hendaklah termasuk kos *setting print* semua komputer ke mesin fotostat.
  - 7.5 Harga yang ditawarkan hendaklah sah selama 90 hari dari tarikh tutup sebut harga sebagaimana yang ditetapkan dan boleh dengan persetujuan bersama dilanjutkan jika perlu.
  - 7.6 Sebarang tuntutan kenaikan harga bagi mana-mana item akibat daripada perbezaan antara pentafsiran Pejabat Daerah Dan Tanah Daerah Timur Laut mengenai Spesifikasi Teknikal tidak akan dilayan.
  - 7.7 Tawaran separa dan tawaran alternatif tidak akan dipertimbangkan.
8. Katalog Peralatan
    - 8.1 Bagi setiap peralatan yang ditawarkan, mestilah disertakan dengan dua (2) salinan katalog asal dan satu (1) salinan fotostat. Semua katalog/ risalah mestilah dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris sahaja. Penyebutharga yang gagal mengemukakan (2) salinan katalog asal dan satu (1) salinan fotostat yang lengkap bagi kesemua peralatan yang dinyatakan, akan menyebabkan tawaran sebut harga tersebut ditolak.
    - 8.2 Tawaran yang tidak disertai dengan katalog/brosur tidak akan dipertimbangkan.
9. Tiada maklumat mengenai kontrak boleh disiarkan dalam akhbar, majalah atau alat pengiklanan yang terkini melainkan jika pengiklanan itu telahpun dihantar dan diluluskan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang terlebih dahulu.
10. Tindakan Tatatertib/Pembatalan Pendaftaran Kontraktor
    - 10.1 Kerajaan akan, tanpa menyentuh apa-apa hak lain yang ada padanya, mengambil tindakan tatatertib terhadap penyebutharga atau memperakukan kepada pihak berkuasa supaya membatalkan pendaftaran penyebutharga sebagai kontraktor Kerajaan jika penyebutharga didapati:
      - 10.1.1 menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah laku tawaran sebut harga atau apa-apa tempoh lanjutan; atau
      - 10.1.2 mengenakan had, syarat atau perjanjian tambahan selepas tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan sebut harga (dan dalam hal yang sedemikian ia hendaklah ditafsirkan enggan dan tidak melaksanakan perjanjian kontrak yang normal atau mendeposit bon pelaksanaan atau tidak meneruskan kerja-kerja setelah sebut harganya disetujuterima).

11. Semua kos perbelanjaan dalam urusan sebut harga ditanggung oleh penyebutharga sendiri.
12. Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul berlakri dan bertanda nombor sebut harga **PDTL/BPD/BEK/2020/4**.
13. Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebutharga di Pejabat Daerah Dan Tanah Daerah Timur Laut, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, 22 Oktober 2020 (Khamis)**.
14. Penyebutharga diwajibkan melengkapkan dan menghantar semua dokumen wajib sebut harga seperti berikut:
  - 14.1 Lampiran A1 – Jadual Spesifikasi Teknikal Mesin Fotostat Jenis 1 (Cetakan Berwarna)
  - 14.2 Lampiran A2 – Jadual Spesifikasi Teknikal Mesin Fotostat Jenis 2 (Cetakan Hitam Putih Sahaja)
  - 14.3 Lampiran C – Jadual Harga
  - 14.4 Lampiran D – Maklumat Penyebutharga
  - 14.5 Lampiran E – Senarai Projek/Kontrak dan Pengalaman Syarikat
  - 14.6 Lampiran F – Surat Akuan Pembida
  - 14.7 Katalog Peralatan
  - 14.8 Profil Syarikat
15. Dokumen yang lewat diserahkan dari masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Jabatan juga tidak akan bertanggungjawab ke atas Dokumen Sokongan yang dihantar melalui kiriman pos sekiranya berlaku kelewatan, kehilangan atau masalah-masalah lain yang berkaitan dengannya.
16. Penyebutharga yang berjaya dikehendaki menandatangani Surat Setuju Terima sebut harga yang akan seterusnya menjadi sebahagian dari Kontrak Perkhidmatan.
17. Sebarang pertanyaan dan surat menyurat berhubung dengan sebut harga ini hendaklah dialamatkan kepada:

Bahagian Pengurusan Daerah  
Pejabat Daerah Dan Tanah  
Daerah Timur Laut  
Tingkat 51, KOMTAR  
10000 Pulau Pinang  
Tel: 04-6505525/04-6505526  
Fax:04-2616137

## 18. Peringatan Mengenai Kesalahan Rasuah

18.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

18.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

18.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

18.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

19. Syarat-syarat am dan syarat-syarat lain dalam dokumen sebut harga ini, setakat mana syarat-syarat itu mungkin menyentuh pelaksanaan kontrak ini hendaklah disifatkan sebagai sebahagian daripada kontrak. Jika penyebutharga tidak mematuhi syarat-syarat sebut harga di atas mengenai apa-apa juga hal, maka sebut harganya akan ditolak.



### **BAHAGIAN III: SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA**

Dalam Perjanjian ini, di mana bersesuaian, Kerajaan dan Kontraktor kemudian daripada ini boleh disebut secara perseorangan sebagai “Pihak” dan secara bersama sebagai “Pihak-Pihak”.

**BAHAWASANYA** Kontraktor bersetuju untuk menyewakan Peralatan dan Kerajaan bersetuju untuk menerima perkhidmatan penyewaan Peralatan yang dibekalkan oleh Kontraktor mengikut terma-terma dan syarat-syarat berikut:

#### **DENGAN INI ADALAH DIPERSETUJUI SEPERTI BERIKUT:**

#### **1. TAKRIF**

1.1 Bagi maksud Perjanjian ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki maksud yang lain:

“Kerajaan”	bermaksud Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan termasuk-  (a) Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut dan Pegawai Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut;  (b) mana-mana Bahagian atau Unit di bawah Pejabat Daerah Dan Tanah Daerah Timur Laut yang berkenaan dalam Perjanjian ini dan diberi kuasa oleh Pegawai Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut; dan  (c) mana-mana Ketua Bahagian, Ketua Unit, pegawai atau kakitangan Jabatan, Bahagian, Unit atau agensi di bawah Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut yang berkenaan dalam Perjanjian ini dan diberi kuasa oleh Pegawai Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut.
“Kontraktor”	bermaksud syarikat ..... dan termasuk wakilnya yang diberi kuasa, waris, pentadbir, agen, penerima serah hak, pegawai, kakitangan, kontraktor, subkontraktor dan pekhidmat;
“Bulan”	bermaksud bulan kalendar Gregorian;
“Peralatan”	bermaksud <b>5 unit mesin fotostat</b> seperti spesifikasi yang dinyatakan di <b>Lampiran A1 dan A2</b> ;
“Khidmat Penyelenggaraan”	bermaksud kerja-kerja penyelenggaraan, pembaikan dan penggantian mana-mana bahagian atau alat ganti yang rosak agar Peralatan tersebut dapat beroperasi dengan baik dan memuaskan hati Kerajaan tanpa mengenakan

sebarang caj tambahan kepada Kerajaan dan membekalkan peralatan guna habis (*consumables*) seperti **toner, drum, roller, pencuci, bahan kimia, dan bahan-bahan lain yang dibekalkan oleh Kontraktor dan lain-lain secara percuma kepada Kerajaan;**

“Premis”	Bermaksud tempat atau kawasan di mana perkhidmatan dilaksanakan atau di alamat Pejabat Daerah Dan Tanah Daerah Timur Laut Daerah Timur Laut, Tingkat 51, KOMTAR, 10000 Pulau Pinang.
“Sewa”	bermaksud bayaran bulanan yang mesti dibayar oleh Kerajaan kepada Kontraktor dalam Tempoh Sewaan;
“Tempoh Sewaan”	bermaksud tempoh yang dinyatakan dalam Klausula 2 Perjanjian ini; dan
“Waktu Perniagaan Biasa”	bermaksud waktu pejabat Kerajaan iaitu: a) mulai 8.00 pagi hingga 5.00 petang pada hari Isnin - Jumaat; dan b) tidak termasuk hari cuti umum dan cuti am bagi Negeri Pulau Pinang

## **2. TEMPOH SEWAAN**

- 2.1 Perjanjian ini berkuat kuasa bagi tempoh **Dua Tahun (24) bulan mulai 1 November 2020 dan berakhir pada 31 Oktober 2022.**
- 2.2 Pembekalan dan tempoh perkhidmatan bagi setiap mesin fotostat adalah mengikut Jadual Pembekalan dan Tempoh Perkhidmatan di **Lampiran B.**

## **3. PELANJUTAN TEMPOH SEWAAN**

- 3.1 Pihak-Pihak boleh memohon untuk melanjutkan Tempoh Sewaan dengan mengemukakan secara bertulis selewat-lewatnya tiga puluh (30) hari sebelum tamat Tempoh Sewaan ini seperti yang diperuntukkan dalam Klausula 2 di atas tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang dipersetujui oleh Pihak-Pihak.

#### 4. SKOP PERJANJIAN

- 4.1 Kontraktor bersetuju menyediakan Perkhidmatan Penyewaan Mesin Fotostat mengikut spesifikasi Peralatan yang dinyatakan dalam **Lampiran A1 dan A2** dan Kerajaan bersetuju menerima perkhidmatan penyewaan tersebut mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung dalam Perjanjian ini.

#### 5. BAYARAN SEWA DAN BAYARAN TAMBAHAN

- 5.1 Kerajaan hendaklah membayar kepada Kontraktor seperti berikut:
- (a) **Bayaran Sewa** Peralatan pada setiap bulan berdasarkan Jadual Pembekalan dan Tempoh Perkhidmatan Peralatan seperti di **Lampiran B** bagi setiap Peralatan mengikut kadar harga yang ditetapkan dalam Jadual Harga di **Lampiran C**.
  - (b) **Bayaran Tambahan** iaitu caj sesalinan berdasarkan bacaan meter pada Peralatan mengikut kadar harga yang ditetapkan dalam Jadual Harga di **Lampiran C**.
- 5.2 Caj sesalinan tidak akan dikenakan bagi salinan-salinan yang rosak berpunca dari kerosakan Peralatan yang bukan disebabkan oleh kecuaiian, kelalaian atau tindakan sengaja Kerajaan atau kakitangannya. Kerajaan hendaklah menyimpan salinan-salinan yang rosak untuk tempoh satu (1) bulan bagi tujuan penyemakan oleh Kontraktor. Kontraktor hendaklah merekodkan jumlah salinan yang rosak ke dalam buku log Khidmat Penyelenggaraan dan membuat tolakan kepada Bayaran Tambahan seperti dinyatakan dalam klausa 5.1 (b).
- 5.3 Kontraktor hendaklah mengemukakan invois yang mengambil kira salinan yang rosak dalam Klausa 5.2 kepada Kerajaan bagi setiap pembayaran.
- 5.4 Kerajaan hendaklah membayar Sewa dan Bayaran Tambahan dalam masa tiga puluh (30) hari selepas invois diterima daripada Kontraktor pada setiap bulan.
- 5.5 Sebarang isu yang timbul antara Kontraktor dengan mana-mana pihak ketiga berhubung dengan Peralatan, Khidmat Penyelenggaraan, Bayaran Sewa dan Bayaran Tambahan dalam Perjanjian ini adalah di luar tanggungjawab Kerajaan.
- 5.6 Jika Perjanjian ini atau mana-mana perkhidmatan dan bekalan di bawah atau berkenaan dengan Perjanjian ini tertakluk kepada Cukai Jualan dan Perkhidmatan (CJP), Pihak-Pihak bersetuju bahawa amaun yang kena dibayar bagi apa-apa perkhidmatan di mana-mana yang berkenaan, di bawah atau berkenaan dengan ini perjanjian dengan mana-mana pihak hendaklah diselaraskan oleh jumlah CJP itu.

## **6. PENGHANTARAN, TEMPAT PEMASANGAN DAN PEMERIKSAAN PERALATAN**

- 6.1 Kontraktor hendaklah memastikan bahawa Peralatan dihantar ke tempat pemasangan di Premis pada/sebelum tarikh sebenar penghantaran perlu dibuat. Kontraktor juga hendaklah menghantar dan memasang Peralatan tersebut sehingga ianya dalam keadaan boleh digunakan dan beroperasi dengan baik. Segala kos penghantaran, pemasangan, pentauliahan dan lain-lain perkhidmatan berkaitan sehingga Peralatan boleh digunakan dan beroperasi dengan baik di Premis adalah ditanggung oleh Kontraktor dan tanpa sebarang kos kepada Kerajaan.
- 6.2 Kontraktor hendaklah memaklumkan kepada Kerajaan dua (2) hari sebelum Peralatan tersebut dihantar bagi tujuan menyediakan tempat pemasangan dan segala kos penyediaan tempat pemasangan hendaklah ditanggung oleh Kerajaan.
- 6.3 Jika berlaku kelewatan dalam menyediakan tempat pemasangan tersebut, Kerajaan hendaklah memberitahu Kontraktor terlebih dahulu agar tarikh penghantaran tersebut dapat diubah kepada masa yang lebih sesuai.
- 6.4 Kerajaan hendaklah memaklumkan kepada Kontraktor jika berlaku sebarang perubahan tempat Peralatan diletakkan. Kontraktor hendaklah menanggung segala kos pemasangan dan penghantaran Peralatan termasuk apa-apa kerosakan atau kecacatan sekiranya berlaku di tempat di mana Peralatan ditempatkan.
- 6.5 Kerajaan hendaklah memeriksa Peralatan semasa penghantaran Peralatan dibuat kepadanya. Tertakluk kepada Klausula 6, Kerajaan adalah dianggap telah memeriksa Peralatan dan berpuas hati dengan keadaan Peralatan apabila Kontraktor tidak menerima apa-apa notis bertulis daripada Kerajaan tentang ketidakpuasan hatinya terhadap Peralatan dalam masa tujuh (7) hari dari tarikh pemasangan Peralatan, kecuali apa-apa kerosakan atau kecacatan yang tidak dapat dikesan oleh Kerajaan dalam pemeriksaan yang patut.

## 7. PENERIMAAN PERALATAN

- 7.1 Walaupun setelah menerima Peralatan dari Kontraktor, Kerajaan sentiasa berhak menolak Peralatan jika Peralatan tidak menepati spesifikasi atau syarat-syarat yang ditentukan dalam Perjanjian ini.
- 7.2 Jika dalam Tempoh Sewaan, Peralatan didapati rosak atau tidak dapat digunakan untuk tujuan ia disewa dan kerosakan tersebut bukan berpunca daripada kecuaiian, kelalaian atau tindakan sengaja Kerajaan atau kakitangannya, Kontraktor hendaklah menyelenggara dan membaiki Peralatan itu tanpa sebarang kos kepada Kerajaan mengikut tempoh masa yang ditetapkan.
- 7.3 Jika dalam Tempoh Sewaan, Peralatan didapati tidak memuaskan dan Kerajaan tidak dapat menggunakan Peralatan untuk tujuan ia disewa dan Kontraktor tidak mengambil tindakan dalam tempoh masa tiga (3) hari Waktu Perniagaan Biasa atau tidak mampu untuk membaiki kecacatan tersebut dalam tempoh tujuh (7) hari Waktu Perniagaan Biasa dari tarikh pemberitahuan, Kerajaan berhak:
- (a) menolak Peralatan tersebut dan Kontraktor dikehendaki menggantikannya dengan peralatan baru yang sama kapasitinya tanpa apa-apa bayaran tambahan dan Perjanjian ini hendaklah terus berkuatkuasa untuk baki Tempoh Sewaan; atau
  - (b) menamatkan Perjanjian ini di bawah Klausula 13.1(a).
- 7.4 Dalam keadaan berlaku kerosakan ke atas Peralatan yang tidak boleh diperbaiki di Premis, maka Kontraktor bolehlah, tertakluk kepada kebenaran bertulis Kerajaan terlebih dahulu, mengalihkan Peralatan ke suatu tempat kerja yang lebih bersesuaian bagi membolehkan kerja penyelenggaraan dan pembaikan ke atas kerosakan tersebut dijalankan dengan sempurna. Bagi maksud ini, Kontraktor hendaklah memastikan suatu peralatan alternatif yang sama kapasitinya dibekalkan kepada Kerajaan sebagai gantian sementara kerja pembaikan tersebut dijalankan tanpa sebarang kos tambahan kepada Kerajaan.
- 7.5 Jika Kontraktor didapati masih gagal untuk memperbaiki kerosakan ke atas Peralatan tersebut dalam masa tiga puluh (30) hari dikira dari tarikh Peralatan tersebut dialihkan dari Premis, maka Kontraktor hendaklah menggantikannya dengan peralatan yang baru tanpa sebarang kos tambahan kepada Kerajaan.

## 8. OBLIGASI KERAJAAN

8.1 Dengan ini Kerajaan berwaad dengan Kontraktor bahawa sepanjang tempoh Perjanjian ini, Kerajaan hendaklah:

- (a) Membayar Sewa dan Bayaran Tambahan yang patut dibayar mengikut Perjanjian ini;
- (b) Membenarkan Kontraktor dan mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Kontraktor pada setiap masa yang sesuai dan setelah satu notis, dalam tempoh yang munasabah, diberi kepada Kerajaan untuk masuk ke dalam Premis tempat Peralatan diletakkan atau disimpan pada masa itu untuk tujuan memeriksa dan menguji keadaan Peralatan, menjalankan Khidmat Penyelenggaraan, pembaikan dan penggantian Peralatan atau mana-mana bahagian daripadanya;
- (c) Menjaga dan memastikan bahawa Peralatan berada dalam milik Kerajaan sepanjang Tempoh Sewaan ini dan tidak memindahkan Peralatan atau mana-mana bahagiannya dari Premis tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis daripada Kontraktor dan persetujuan itu tidak boleh ditahan dengan tidak munasabahnya;
- (d) Menggunakan alat-alat ganti dan bekalan bahan yang berkaitan dengan dan menjadi pelengkap kepada Peralatan dan bahan-bahan lain yang hanya dibekalkan oleh Kontraktor;
- (e) Tidak menyebabkan atau membenarkan Peralatan dilekatkan, dipasang atau dikepilkan pada Premis sebagai lekapan;
- (f) Memberitahu Kontraktor tentang sebarang perubahan alamat Kerajaan;
- (g) Memberi ganti rugi kepada Kontraktor atas segala kehilangan atau kerosakan yang berlaku terhadap Peralatan atau mana-mana bahagian daripadanya sekiranya kehilangan dan kerosakan tersebut disebabkan oleh kecuaiannya, kesalahan atau tindakan sengaja Kerajaan atau kakitangannya;
- (h) Tidak menjual, menyerahkan hak, menyewa, menyandar, atau menggadai janji Peralatan atau mana-mana bahagian daripadanya tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis daripada Kontraktor;
- (i) Melantik dua (2) orang kakitangan Kerajaan (kemudian daripada ini disebut sebagai “Juruteknik Kerajaan”) yang hendaklah diberi latihan secukupnya oleh Kontraktor berkenaan dengan cara-cara penggunaan, pengurusan dan penyelenggaraan Peralatan dengan baik dan berkesan;
- (j) Memberitahu Kontraktor jika terdapat sebarang perubahan dari segi kakitangan untuk mengendalikan Peralatan tersebut;

- (k) Mengelak daripada membaiki dan menyelenggara Peralatan kecuali oleh Juruteknik Kerajaan yang dipilih menurut Klausula 8.9;
- (l) Mengelak daripada menghapuskan plat nama Kontraktor daripada Peralatan; dan
- (m) Jika Kerajaan memerlukan khidmat penyelenggaraan di luar Waktu Perniagaan Biasa (kemudian daripada ini disebut sebagai “Khidmat Penyelenggaraan Tambahan”, Kerajaan hendaklah membayar Khidmat Penyelenggaraan Tambahan tersebut kepada Kontraktor pada kadar yang dipersetujui oleh kedua-dua Pihak.

## **9. OBLIGASI KONTRAKTOR**

9.1 Dengan ini Kontraktor berwaad dengan Kerajaan bahawa semasa tempoh Perjanjian ini, Kontraktor hendaklah:

- (a) Memberi jaminan bahawa Peralatan yang dibekalkan di bawah Perjanjian ini adalah produk keluaran semasa, baru, tulen dan belum pernah digunakan kecuali bagi maksud ujian mutu dan berada dalam keadaan baik dan bebas daripada sebarang kerosakan dan kecacatan dari segi pembuatan dan reka bentuk dengan syarat Peralatan tersebut tidak diubah suai oleh Kerajaan tanpa memberikan sebarang notis kepada Kontraktor;
- (b) Bertanggungjawab sepenuhnya terhadap semua kos dan perbelanjaan menyediakan perkhidmatan dan penyelenggaraan di bawah Perjanjian ini;
- (c) Menghantar dan memasang Peralatan di Premis dengan syarat Peralatan yang dipasang dan dihantar hendaklah baru dan dalam keadaan yang sangat baik;
- (d) Membenarkan Kerajaan yang telah dengan sewajarnya membayar Sewa dan melaksanakan serta mematuhi obligasinya yang terkandung dalam Perjanjian ini supaya memegang dan menggunakan secara aman dan tenteram Peralatan sepanjang Tempoh Sewaan tanpa gangguan atau kekacauan oleh Kontraktor atau mana-mana orang yang menuntut secara sah melalui, di bawah atau sebagai amanah bagi Kontraktor;
- (e) Memastikan bahawa Peralatan berada dalam keadaan yang sangat baik dan untuk tujuan ini, Kontraktor hendaklah memberikan Khidmat Penyelenggaraan sekurang-kurangnya satu (1) kali sebulan seperti memeriksa, servis dan membaiki tanpa mengenakan apa-apa caj kepada Kerajaan yang hendaklah dibuat dalam Waktu Perniagaan Biasa atau mengikut aturan sepertimana yang dipersetujui bersama oleh Kontraktor dan Kerajaan;
- (f) Membekalkan alat-alat ganti yang tulen dan setaraf tanpa apa-apa kos kepada Kerajaan dengan syarat Khidmat Penyelenggaraan tersebut

bukan disebabkan oleh kecuaiian atau tindakan sengaja Kerajaan. Apa-apa perkhidmatan dijalankan oleh Kontraktor hendaklah dilakukan dalam tempoh Waktu Perniagaan Biasa dan jika perlu pada bila-bila masa yang dipersetujui bersama oleh Kontraktor dan Kerajaan;

- (g) Memberi jaminan bahawa pelaksanaan Khidmat Penyelenggaraan, pembaikan dan pembekalan alat-alat ganti ke atas Peralatan akan berjalan dengan sempurna dan dijamin daripada apa-apa kekurangan, kesilapan dan kecacatan dari segi bahan dan kemahiran kerja;
- (h) Bertindak kepada aduan kerosakan oleh Kerajaan di mana "*Response Time*" oleh Kontraktor untuk memberi Khidmat Penyelenggaraan, pembaikan dan penggantian alat-alat ganti dalam masa 3 jam waktu bekerja, dikira dari waktu panggilan, dengan syarat panggilan dibuat sebelum jam 3.00 petang pada hari yang sama. Jika panggilan diterima selepas waktu tersebut, penyelenggaraan, pembaikan dan penggantian alat-alat ganti akan dibuat sebelum jam 12.00 tengah hari pada keesokan harinya;
- (i) Memberi jaminan bahawa pelaksanaan Khidmat Penyelenggaraan ke atas Peralatan tersebut akan berjalan dengan sempurna dan dijamin daripada apa-apa kekurangan, kesilapan dan kecacatan dari segi bahan dan kemahiran tenaga kerja;
- (j) Menghantar juruteknik yang berkelayakan dan berkemahiran untuk memeriksa, menyelaraskan dan menyelenggara Peralatan;
- (k) Menginsurankan Peralatan dan terus menginsurankan Peralatan tersebut daripada kehilangan atau kerosakan akibat kemalangan, kebakaran dan kecuaiian pada nilai penggantian penuh dengan syarikat insurans yang diluluskan oleh Kerajaan di bawah polisi insurans yang komprehensif;
- (l) Mengganti rugi Kerajaan atas apa-apa kerosakan yang berlaku ke atas Peralatan yang berpunca daripada kelalaian, kecuaiian atau perbuatan sengaja oleh Kontraktor, pekerjanya, agen-agensya atau mana-mana pihak yang bertindak bagi pihaknya;
- (m) Tidak boleh menzahirkan kepada mana-mana orang atau mana-mana pihak apa-apa maklumat yang ditemui atau yang dizahirkan kepadanya bagi maksud pelaksanaan Perjanjian ini antara Pihak-Pihak. Klausula ini hendaklah terus berkuat kuasa walaupun selepas Perjanjian ini ditamatkan;
- (n) Tidak boleh memajukan kesemua atau mana-mana bahagian Perjanjian ini atau membuat apa-apa perjanjian kecil bagi tujuan Perjanjian ini tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis Kerajaan;



- (o) Tidak boleh memberi milik kesemua atau mana-mana bahagian Perjanjian ini atau menerima milik, menggadai atau mempertanggungkan apa-apa jua daripada wang yang kena dibayar di bawah Perjanjian ini atau apa-apa faedah yang terbit atau yang mungkin terbit daripada Perjanjian ini kepada mana-mana orang tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis Kerajaan;
- (p) **Membekalkan secara percuma segala Peralatan guna habis (*consumables*) seperti *toner, drum, roller, pencuci, bahan kimia, bahan-bahan lain dan sebagainya sepanjang Tempoh Sewaan ini tetapi tidak termasuk bekalan kertas;***
- (q) Memastikan apa-apa isu yang mungkin berbangkit antara Kontraktor dengan mana-mana pihak ketiga berkaitan dengan Peralatan dan Khidmat Penyelenggaraan, termasuklah berkaitan dengan bayaran Sewa dan Bayaran Tambahan, dan apa-apa perkara lain, hendaklah ditangani dan diselesaikan oleh Kontraktor dan tidak boleh dikaitkan dengan Kerajaan dengan apa cara jua; dan
- (r) Menyedia dan menyelenggarakan buku log Khidmat Penyelenggaraan bagi setiap pembaikan, penyelenggaraan, penggantian alat ganti dan sebagainya, di mana setiap kali perkhidmatan tersebut dilaksanakan, buku log tersebut hendaklah ditandatangani oleh wakil Pihak-Pihak dan mengemukakannya kepada Kerajaan apabila diminta dari semasa ke semasa.
- (s) Menyediakan latihan berkenaan penggunaan Peralatan kepada Kerajaan dan sebarang kos yang terlibat untuk latihan ini ditanggung oleh Kontraktor.

## **10. DENDA LEWAT BEKAL**

- 10.1 Kontraktor hendaklah menyempurnakan Perjanjian perkhidmatan dalam tempoh yang telah ditetapkan dalam Perjanjian. Pembekalan Peralatan perlu mematuhi tarikh yang ditetapkan dalam Jadual Pembekalan dan Tempoh Perkhidmatan seperti dalam **Lampiran B**.
- 10.2 Kontraktor akan dikenakan denda sekiranya kelewatan pembekalan Peralatan yang berlaku adalah berpunca daripada Kontraktor sendiri. Kontraktor akan dikenakan denda lewat bekal kepada Kerajaan atas kadar satu peratus (1%) daripada nilai kontrak Peralatan untuk setiap hari kelewatan.

## **11. PENALTI**

11.1 Walau apa pun peruntukan lain dalam Perjanjian ini, jika Kontraktor gagal untuk menyediakan Khidmat Penyelenggaraan dalam tempoh yang dinyatakan dalam Klausula 9.1, Kerajaan berhak membuat tolakan daripada Sewa di bawah Klausula 5.1(a) bagi setiap hari Kerajaan tidak dapat menggunakan Peralatan untuk tujuan ia disewa.

## **12. PELAKSANAAN KONTRAK**

12.1 Kerajaan berhak menamatkan kontrak ini jika berlaku sebarang masalah seperti tahap operasi Peralatan dan Khidmat Penyelenggaraan yang tidak memuaskan hati pihak Kerajaan. Penilaian akan dibuat dari semasa ke semasa selepas satu (1) bulan kontrak berjalan bagi menentukan tahap pencapaian tercapai atau tidak. Kegagalan Kontraktor memberikan perkhidmatan yang memuaskan membolehkan Kerajaan menamatkan Perjanjian ini menurut Klausula 13 Perjanjian ini.

## **13. PENAMATAN**

### **Penamatan Oleh Kerajaan**

13.1 Kerajaan boleh dengan memberi notis bertulis selama tiga puluh (30) hari kepada Kontraktor untuk menamatkan Perjanjian ini jika didapati:

- (a) Kontraktor gagal untuk mematuhi atau melaksanakan mana-mana terma atau syarat dalam Perjanjian ini;
- (b) Kontraktor sebagai orang perseorangan (atau apabila Kontraktor adalah suatu firma, mana-mana pekongsi firma itu) pada bila-bila masa menjadi bankrap, atau sesuatu perintah penerimaan atau pentadbiran dibuat terhadapnya atau membuat suatu penyelesaian atau perkiraan dengan atau bagi faedah pemiutang, atau jika Kontraktor adalah sebuah syarikat meluluskan suatu ketetapan atau mahkamah membuat suatu perintah bahawa syarikat itu digulung (bukan suatu penggulungan ahli bagi maksud penyusunan atau penyatuan) atau jika seseorang penerima atau pengurus bagi pihak seorang pemiutang dilantik atau jika timbul keadaan yang memberi hak kepada mahkamah membuat suatu perintah penggulungan. Dengan syarat sentiasa bahawa penamatan Perjanjian di bawah Klausula 13.1 tidak akan menyentuh hak-hak lain Kerajaan yang sedia terakru di bawah Perjanjian ini; dan
- (c) Kontraktor memberi kontrak kecil, memindah milik atau menyerahkan Perjanjian ini untuk dilaksanakan oleh pihak lain, tanpa persetujuan Kerajaan.

13.2 Apabila Perjanjian ini ditamatkan mengikut terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian ini, setelah memberi notis bertulis kepada Kontraktor, Kerajaan berhak menuntut ganti rugi daripada Kontraktor untuk kerugian yang dialami oleh Kerajaan akibat daripada penamatan Perjanjian ini.

### **Penamatan demi kepentingan Negara**

13.3 Walau apapun peruntukan Perjanjian ini, Kerajaan boleh menamatkan Perjanjian ini dengan memberikan notis tidak kurang daripada tiga puluh (30) hari kepada Kontraktor (tanpa apa-apa obligasi untuk memberikan sebarang alasan) jika Kerajaan mempertimbangkan bahawa penamatan adalah perlu bagi kepentingan Negara, demi keselamatan Negara atau bagi tujuan dasar Kerajaan atau dasar awam.

13.4 Bagi tujuan fasal ini, apa yang dimaksudkan dengan “Kepentingan Negara”, “Keselamatan Negara”, “dasar Kerajaan” dan “dasar awam” hendaklah ditentukan dan ditetapkan semata-mata oleh Kerajaan dan penentuan itu hendaklah bagi semua niat dan tujuan adalah muktamad dan konklusif dan tidak boleh dicabar sama sekali.

### **Penamatan Kerana Rasuah**

13.5 Tanpa menyentuh apa-apa hak lain, jika Kerajaan berpuas hati bahawa pihak Kontraktor terlibat dalam rasuah, aktiviti yang menyalahi undang-undang berkaitan dengan Perjanjian ini atau mana-mana kontrak lain yang dimasuki oleh Kontraktor dengan Kerajaan, Kerajaan berhak untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis secara bertulis bagi tujuan tersebut. Penamatan berkenaan tidak menjejaskan hak Kerajaan terhadap apa-apa kerugian, kos, ganti rugi dalam perbelanjaan (termasuk kos-kos sampingan) yang timbul daripada penamatan tersebut.

